

SIMPULAN BAHASA

Padankan simpulan bahasa di bawah dengan maksud yang betul.

- Anak berderetan.
- Bulan sebagaimana yang kelihatan pada hari pertama bagi sesuatu bulan hijrah.
- Orang yang dipandang hina atau miskin.
- Perkara yang menjadi sebut-sebutan orang.
- Tidak mengendahkan sesuatu pun.
- Anak raja daripada permaisuri.
- Orang yang suka memuji atau meninggikan diri.
- Tidak mahu berusaha, malas bekerja.
- Tipu muslihat yang licin atau cerdik.
- Genggaman jari-jari tangan atau penumbuk.

Simpulan Bahasa	Maksud
1. Anak gahara	
2. Akal kancil	
3. Anak bulan	
4. Berpeluk tubuh	
5. Bersusun bantal	
6. Buah mulut	
7. Buku lima	
8. Buta tuli	
9. Angkat bakul	
10. Anjing kurap	

Lengkapkan ayat di bawah dengan **simpulan bahasa** yang paling sesuai.

1. Tahir hanya _____ semasa kawan-kawannya sibuk membersihkan kelas mereka.
2. Hanya _____ sahaja yang akan mewarisi pemerintahan di negara itu.
3. "Tak sangka sudah lima belas tahun tidak berjumpa, anaknya sudah _____," kata Kasim kepada Dali.
4. Oleh sebab terlalu marah kepada pemandu yang memandu secara berbahaya, dia menunjukkan _____ nya.
5. Cerita tentang kesalahan artis itu telah menjadi _____ orang ramai.
6. _____ Ramadan kelihatan di ufuk pada waktu senja.